

Adakah Senghaja Direncanakan untuk Pecah-pecahkan, Kemudian Perintah?

Rencana yang di bawah ini sebenarnya direncanakan untuk disiarkan di dalam akhbar yang menyiarkan berita-berita itu (akhbar harian Utusan Melayu) dan kerana itulah rencana ini telah dikirim kepada akhbar Berita

Harian dan akhbar Utusan Melayu meminta disiarkan dan senaskah daripada rencana ini (salinannya) dikirimkan kepada Menteri Kebudayaan dan Hal Ehwal Masyarakat Singapura, En. Othman Wok. Malangnya tidak ada sebuah pun daripada akhbar itu menyiarkan dan untuk penjelasan itulah sebabnya disiarkan rencana ini di dalam

Majalah Qalam. – p.

Mengapa “Sayyid” Othman Wok Mengungkit-ungkit Golongan Kecil?

Perdana Menteri Lee Kuan Yew, tatkala mengadakan perjumpaan dengan ahli-ahli persatuan agama-agama sedikit masa dahulu telah mengingatkan supaya jangan membawa persoalan-persoalan agama yang boleh memecahkan perpaduan dan menghendaki bahawa jangan menimbulkan perkara-perkara yang membawa kepada permusuhan di antara satu golongan dengan satu golongan yang lain.

Perpaduan tidak akan tercapai dan bersalah-salahan faham akan dapat dielakkan di antara satu golongan dengan golongan yang lain, hanya dengan hormat-menghormati dan menjauhkan tuduh-menuduh atau kata-mengata di antara satu dengan lain, dan itulah menjadi suatu dasar yang sebaik-baiknya untuk mengawal persatuan dan perpaduan di antara sekalian umat di negeri ini. Di dalam soal ini kerajaan adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan perpaduan ini. Tetapi daripada apa yang kita dengar dan kita baca adalah sangat mendukacitakan bahawa pihak pegawai kerajaan sendiri nampaknya selalu menimbulkan dan memulakan soal-soal yang boleh membawa ketidakpuasan hati bukannya di atas dasar pertadbiran¹ kerajaan tetapi di dalam perkara yang menerbitkan rasa tidak puas hati

suatu golongan kepada langkah-langkah yang dibuat oleh wakil-wakil kerajaan yang berketanggungan.

Baru-baru ini di dalam Utusan Melayu bertarikh 2 November 1965, Menteri Kebudayaan dan Hal Ehwal Masyarakat Singapura En. Othman Wok telah dengan tidak semena-mena menyentuh pengertian “sayyid”. Dahulu ada terbayang sedikit-sedikit tentang orang-orang Arab yang disebut-sebut oleh Perdana Menteri Singapura, tetapi hari ini seorang yang beragama Islam, seorang Melayu, En. Othman Wok telah membawa perkara itu dengan suatu sindirian yang boleh dipandang menimbulkan rasa kecil hati kepada sesuatu golongan yang menjadi penduduk dan rakyat Singapura yang sekalipun mereka kecil tetapi golongan kecil itu wajib dijaga dan dikawal – bukan disakiti.

Barangkali persoalan ini timbul kerana “kemurkaan” pegawai-pegawai kerajaan Singapura kepada beberapa orang yang tidak diperkenannya tetapi dengan kerana itu tidaklah sewajarnya bagi pihak kerajaan memukul borong kepada semua orang kerana sifat sebuah kerajaan dan orang-orangnya, akan menghukum seseorang itu bersalah tetapi tidak akan menghukum semua sekali orang daripada golongan-golongan itu.

En. Othman Wok memperkatakan, daripada apa yang difaham,

¹ Ejaan baru ialah pentadbiran

bahawa persoalan “sayyid” itu ada mempunyai dua pengertian iaitu sayyid yang dipanggil di negeri Arab seperti di Republik Arab Bersatu yang memaknakan sayyid itu dengan “Tuan”, atau “Encik” dan seterusnya, katanya, dengan “Saudara”.

Tetapi, katanya, panggilan itu di sini di salahgunakan – panggilan itu tidak dimaksudkan sebagai panggilan biasa bahkan sebaliknya “mempunyai taraf yang istimewa, keturunan Nabi” yang seterusnya katanya, “Sayyid ertinya satu mata anak tangga tinggi dari orang Islam yang biasa, di sini mempunyai kurnia mencium tangan saudara dan bertelut tunduk kepada saudara.”

Pada pengertian *lughah* Arab (atabahasa Arab) “Sayyid” maknanya “Tuan”. Sememangnya kalau En. Othman Wok datang ke Mesir ia akan disebut Sayyid Othman Wok. Bukan sahaja terhadap orang-orang Islam tetapi semua orang seperti Sayyid Lee Kuan Yew, Sayyid Rajaratnam, Sayyid Barker, Sayyid Kroshob dan Sayyid Mao Zee Tong dan lain-lainnya.

Ada juga pengertian “sayyid” selain daripada diambil daripada makna umpamanya di Malabar kalau seseorang beranak pada hari Khamis malam Jumaat atau pada hari Jumaat anaknya akan disebut “sayyid” juga. Mengenai sayyid yang daripada keturunan Fatimah yang mempunyai salasilah yang tetap bagi mengetahui mereka itu yang sebenarnya daripada anak Fatimah binti Rasulullah (S.A.W) diistilahkan oleh ahli-ahli agama di Hadramaut dengan perkataan “sayyid” bagi menunjukkan asal keturunan mereka daripada “*ahl bayt* Rasulullah (S.A.W)” dan di daerah-daerah Mesir mereka itu tidak disebut “sayyid” tetapi mereka itu disebut “*ashraf*” dan di Indonesia pada zaman dahulu dipanggil *sharif* – begitu juga di Tanah Hijaz dan di lain-lain tempat di negeri-negeri Arab.

Mereka yang disebut “Sayyid”, “*sharif*” dan jamaknya “*ashraf*” itu, mereka tidak meminta dihormati atau diminta dicium tangan dan diagung-agungkan. Mereka itu bergaul dengan bebas di dalam masyarakat Islam dan dari

golongan mereka ada yang baik dan ada tidak seperti juga di dalam golongan-golongan Islam yang lain. Tidak ada agama melebihi bagi mereka kerana mereka mempunyai salasilah daripada Fatimah binti Rasulullah (S.A.W). Hukum-hukum Tuhan yang dikenakan kepada seluruh umat Islam terkena juga kepada mereka dan perkataan “sayyid” hanya sekadar menunjukkan asal golongan mereka seperti juga yang ada kepada bangsa-bangsa lain di dalam dunia ini. Ada pula di antara mereka yang tidak menggunakan sebutan itu di dalam permulaan namanya bahkan ada yang tidak menyebut langsung sebutan-sebutan itu sedang namanya dikenal dengan nama timangan-timangan seperti yang ada kepada orang-orang di Gugusan Pulau-pulau Melayu ini.

Mereka dengan adanya sebutan itu tidak meminta orang meninggikannya satu darjat supaya dicium tangannya dan meminta orang bertelut kepadanya tetapi kalau ada seorang berdua yang berkehendakkan demikian itu maka orang yang demikian itu sekurang-kurangnya mereng otaknya kerana seseorang tidak akan meninggikan dirinya dengan kerana pangkatnya atau kedudukannya tetapi orang menghormati mereka itu.

Umpamanya En. Yusuf bin Ishak Yang di-Pertuan Negara, kalau dahulu tidak pernah belum dicium tangannya barangkali oleh orang ramai tetapi apabila menjadi Yang di-Pertuan Negara pernah dilihat ada orang yang mencium tangan beliau sebagai tanda kehormatan sedang En. Yusuf sendiri diyakini tidak gemar dengan keadaan yang demikian. Tetapi orang menghormati beliau – siapa yang boleh menahan. Begitulah kalau orang mahu mencium tangan “sayyid” atau sesiapa pun sebagai tanda kehormatan tidak ada orang yang boleh menahan.

Paderi Kristian juga dicium tangannya oleh orang-orang Kristian, guru dicium tangan oleh muridnya terutamanya guru-guru agama, anak mencium tangan ayahnya dan banyak lagi perbuatan yang demikian itu sebagai tanda kehormatan kepada diri seseorang yang dihormati oleh mereka itu – tidak ada orang memaksa dan menyuruh

melakukannya. Mengapa pula Menteri Kebudayaan dan Hal Ehwal Masyarakat Singapura itu mengungkit-ungkit persoalan cium tangan ke atas seorang sayyid? Mungkin ada orang yang menghormati beliau tatkala di dalam masjid kerana menghormatinya telah mencium tangan beliau. Adakah beliau lebih ingin dicium tangan dari orang ramai dengan menyangka kalau beliau bernama “Sayyid Othman Wok” orang ramai akan menderu-deru mencium tangannya?

Bolehkah seseorang menahan kehormatan seseorang dan kasih sayang seseorang kepada sesuatu golongan pada hal orang itu sendiri tidak gemar kepada demikian.

Di Mekah ada sebuah *Rabāṭ as-Sādah* lima tingkat dibangunkan oleh kerajaan ‘*Arabiyyah Sa’ūdiyyah*’ buat tempat tumpangan khas kepada keturunan Fatimah bahkan mereka di sana oleh mendapat sara hidup daripada kerajaan. Di Mesir golongan *ashraf* masih menerima penghormatan – tetapi siapa?

– Bukan peminum dan seumpamanya tetapi golongan-golongan agama yang mulia dan golongan-golongan ini tidak akan dihormati oleh golongan-golongan yang luar agama yang tidak membaca ayat-ayat Tuhan di dalam al-Qur’ān yang menyuruh berbuat baik kepada tiap-tiap orang yang berilmu termasuk kepada *ahl bayt*. Tuhan yang memerintahkan begitu bukan kemahuan mereka yang kebanyakannya tidak suka menerima kehormatan itu tetapi golongan-golongan Arab itu sendiri menghormati mereka dan selalu kejadian ini menjadi kemarahan besar kalau “*ahl bayt*” itu tidak mahu menerima kehormatan yang diberikan kepada mereka. Apa “Sayyid Othman Wok” mahu kepada kehendak-kehendak orang ramai yang memberi kehormatan itu. Mahu menahannya?!

Pengertian bahasa, terkadang-kadang dipakai dengan di dalam makna *lughah* dan terkadang-kadang dipakai dengan makna istilah. Haji ialah suatu rukun daripada rukun Islam yang kelima. Kebanyakan orang yang telah menunaikan fardhu haji itu tidak mahu menggunakan perkataan haji pada permulaan namanya atau al-Hajj pada akhir namanya untuk menunjukkan yang ia telah menunaikan fardhu haji sebagai suatu perkataan istilah yang umum.

Banyak orang yang mengerti bahawa menunaikan haji itu wajib bagi dirinya dan sesudah fardhu itu ditunaikan, mereka tidak berhajat kepada nama, kepada pakaian dan seumpamanya. Kalau orang yang memanggilnya haji, sekalipun ia tidak suka umpamanya sengkaja² orang memanggil atau menulis nama “En. Yusuf bin Ishak al-Hajj, Yang di-Pertuan Negara Singapura” siapa yang boleh menahan orang daripada menyebutnya sekalipun. En. Yusuf tidak suka disebut al-Hajj itu – ini adalah menunjukkan penghormatan seseorang kepadanya kerana mereka tahu bahawa En. Yusuf telah pergi haji.

Tetapi orang tidak akan memanggil Haji Othman Wok kerana beliau belum menunaikan fardhu haji dan tentulah janggal baginya menerima panggilan itu. Lebih janggal lagi kalau ada orang yang memanggil Haji Lee Kuan Yew, Haji Rajaratnam dan Haji Barker kerana sementara ini beliau-beliau tidak boleh mendapat nama itu kerana bukan haknya dan tidak akan tersebut dalam istilah maknanya yang tersebut kerana perkataan haji itu termasuk istilah sahaja – tidak termasuk dua makna di dalam perkataan sayyid – ada makna *lughah* dan ada makna istilah dan kedua-dua makna itu dipakai pada berlainan-berlainan tempat sehingga tidak janggal di Mesir orang memanggil Sayyid Lee Kuan Yew dengan memaknakan sayyid itu Tuan atau Encik dan mereka memanggil sharif atau *ashraf* kepada keturunan Fatimah binti Rasulullah (S.A.W).

Perkataan sayyid itu tidak boleh dimaknakan dengan erti *lughah* sahaja: “Saudara”. Adalah diketahui bahawa yang dimaksudkan saudara oleh Sayyid Othman Wok ialah Encik yang semakna dengan Tuan sebagai suatu makna di dalam istilah – bukan di dalam makna *lughah*. “Saudara” dalam bahasa Arab ialah “*akh*” – bagi seorang, “*ikhwah*” bagi jamak.

Kalau perkataan ssaudara dimaknakan dalam bahasa “*akh*” atau “*ikhwah*” di dalam erti *lughah*, sebagai seorang Islam, E. Othman Wok mesti menyedari kalau

² Ejaan yang betul ialah sengkaja

ia memanggil seorang yang bukan Islam dengan perkataan saudara dengan erti dan kehendak *lughah* maka diharamkan oleh agama kerana yang boleh bersaudara di dalam Islam hanya orang Muslimin sahaja dan kalau ia mengaku saudara kepada orang yang kafir – insafilah bahawa nanti hukumannya akan diterima di hadapan *Rabb al-Jalil*.

Saya suka memperingatkan bahawa sementara mempunyai kuasa di dalam kerajaan janganlah hendak menggunakan kuasa itu berat sebelah dengan menyakiti perasaan sesuatu golongan kerana yang demikian itu sangat berbencana, bukan sahaja di dalam soal sayyid tetapi juga di dalam soal-soal yang lain mengenai agama Islam. Mereka tidak bangkit dan tidak akan menunjukkan perasaan tidak puas hati kalau tidak timbulnya dari cabaran yang dilakukan oleh mereka yang ada kekuasaan di belakangnya. Yang ada kekuasaan itu akan mudah menuduh orang lain bersalah, apabila sesuatu perkara yang tidak dikehendaki berlaku dengan melupakan sama sekali bahawa puncanya daripada mereka sendiri yaitu sebagai suatu fitnah untuk menimbulkan suasana yang tidak baik. Apa salahnya orang sayyid menggunakan nama sayyid kalau ia mahu menggunakannya; dan tidak pernah golongan ini membantah siaran akhbar-akhbar Mesir menyebut-nyebut Sayyid Othman Wok, Sayyid Lee Kuan Yew, Sayyid Kroshob dan Sayyid Chow En Lai. Mereka berbuat sesuka mereka tetapi tidaklah menyindir-nyindir orang-orang yang memakai sayyid itu kerana keturunan daripada Fatimah binti Rasulullah (S.A.W) sebagai orang-orang yang berhajat dicium tangan dan diagung-agungkan. Mereka tidak meminta dicium tangan atau diagung-agungkan dan kalau orang membuat; mereka tidak dapat menahan kerana barangkali campuran mereka baik, akhlak mereka baik, budi bahasa mereka baik kerana tiap-tiap kebaikan akan disambut dengan kebaikan – ini umum berlaku.

Adalah menjadi satu perkara yang menghairankan menyeru rakyat bersatu padu tetapi disebalik itu

ucapan-ucapan yang menimbulkan sakit hati sesuatu golongan dilakukan. Apakah ertinya akuan tidak ada bangsa di dalam Singapura ini – Cina, India, Melayu, Arab, Serani dan lain-lainnya – Mereka ialah orang Singapura (*Singaporian*) dan golongan kecil akan dipertahankan? Rakyat bukan buta dan bukan tuli dan bukan tidak faham – sedarlah.

Edrus

(Abdullah bin Hamid al-Edrus)

Yang Menyalahi Islam Fasik

“Undang-undang dasar yang asasi bagi seorang Muslim, ialah syariat Islam. Segala undang-undang ciptaan manusia yang datang sesuai dengan nas dan sejalan dengan pokok syariat itu yang umum, atau sejalan dengan jiwa peraturannya, maka seseorang Muslim boleh mengikutnya dengan izin Allah. Sebaliknya segala undang-undang yang datang bertentangan dengan syariat itu, maka ia wajib dilawan dan ditentang, kerana tidak ada kemuliaan sama sekali bagi apa-apa yang menyalahi Islam dan sekali-kali tidak boleh taat kepada makhluk dalam hal-hal yang maksiat kepada Allah.

“Sesiapa orang Islam yang membuat undang-undang dan ia tahu bahawa perbuatannya itu menyalahi bagi Islam, orang itu fasik! Tetapi apabila ia senghaja menghalalkan apa yang dibuatnya itu maka ia murtad (keluar) dari agama Islam dan kafir kepada Allah. Dan tidak syak lagi bahawa tiap-tiap muslim tidak suka bersifat dengan salah satu di antara dua sifat tersebut, baik dengan berhubung dengan Allah mahu pun antara sesama manusia.” – Kata al-mahrum Dr. Abdul Qadir ‘Awdah seorang hakim dan anggota *Ikhwan al-Muslimin* di Mesir. Beliau telah digantung oleh Gamal Abdel Nasir Yang Di-pertua Arab Bersatu di dalam masa meruntuhkan pengaruh *Ikhwan al-Muslimin* Mesir.